



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

KEJOHANAN 18TH MALAYSIA FIRA ROBOWORLD CUP 2025

MERLIMAU, 21 JUN 2025 – Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) menganjurkan Kejohanan 18TH Malaysia FIRA Roboworld Cup 2025 dan memilih Politeknik Merlimau Melaka (PMM) sebagai tuan rumah dan penganjur bersama bagi edisi kali ini. Kejohanan ini bermula pada 21 sehingga 26 Jun 2025 dan menerima penyertaan seramai 1,613 peserta daripada 439 pasukan melibatkan penyertaan daripada 124 institusi seluruh negara meliputi 64 politeknik dan kolej komuniti (POLYCC), 12 Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Awam dan Swasta serta 48 penyertaan daripada pihak sekolah.

Sebanyak sembilan (9) kategori dipertandingkan, antaranya ***Simurosot, AiBot, HuroCup, MyBot Youth, Robosot, Androsot, Air Drone, Business & Innovation dan Autonomous Car Challenge*** selain 25 sub kategori dan lima kategori sisipan.

Menurut Dr. Shamsuri Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), JPPKK ketika merasmikan majlis pembukaan kejohanan malam tadi berkata, acara ini merupakan platform terbaik untuk mengetengahkan solusi kreatif melalui projek inovasi robotik yang berimpak tinggi.

“Inilah bukti nyata bahawa kita sedang membentuk generasi pencipta dan bukan sekadar pengguna teknologi.

“Acara ini juga bakal menyaksikan pertarungan inovasi dalam bidang robotik yang mengintegrasikan teknologi kecerdasan buatan (AI) terkini,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata teknologi robotik dan AI tidak lagi eksklusif untuk pelajar yang cemerlang secara akademik sahaja, malah dengan pendekatan pembelajaran berasaskan amali (hands-on), pendedahan secara langsung di industri serta latihan yang disesuaikan mengikut keperluan sebenar pasaran kerja, Pendidikan dan Latihan Teknikal

dan Vokasional (TVET) membuka ruang kepada pelajar daripada pelbagai latar belakang untuk menguasai kemahiran yang praktikal, relevan dan bernilai tinggi.

Kejohanan kali ini turut mendapat penyertaan daripada luar negara seperti Indonesia, Korea, China, Bangladesh, India dan Sudan, ianya sekaligus mencerminkan komitmen Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan JPPKK dalam memperkukuh jaringan kolaborasi global khususnya bidang robotik.

Juara bagi setiap kategori yang dipertandingkan bakal diberi penghormatan untuk mewakili negara di pentas FIRA Roboworld Cup 2026 yang diadakan di Kanada, nanti.

Pelbagai aktiviti lain turut diadakan sepanjang kejohanan ini berlangsung seperti Pertandingan RC Air, SumoRobot, Mini RC Soccer, Drone Soccer, FIRA Youth Robotics Symposium 2025, Karnival Keusahawanan dan Kelestarian Program.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
21 JUN 2025**

LAMPIRAN BERGAMBAR :

